Kepada : Semua Pengarah LKIM Negeri
Semua Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM CARUMAN SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (SKSPS) BAGI NELAYAN BERDAFTAR DI BAWAH LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengambil langkah baik dengan mengadakan cadangan pelaksanaan penggantian caruman insurans nelayan kelompok LKIM kepada caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (PERKESO). Cadangan pelaksanaan penggantian caruman insurans kepada SKSPS tersebut telah dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar (MJKD) MOA pada 11 Februari 2020 dan Mesyuarat Jemaah LKIM pada 25 Februari 2020 dan kedua-dua mesyuarat tersebut telah bersetuju dan tiada halangan melaksanakan SKSPS tersebut terhadap **nelayan yang menerima Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN).**

Skim perlindungan PERKESO ini adalah selaras dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) seperti berikut adalah menerangkan :-

Sek (2) : Akta ini hendaklah terpakai bagi mana-mana warganegara atau pemastautin tetap Malaysia yang menjalankan suatu aktiviti pekerjaan sendiri dalam perusahaan yang dinyatakan dalam jadual pertama.

Sek.11(1): Tiap-tiap orang bekerja sendiri hendaklah mendaftar dan membayar caruman kepada Pertubuhan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan bagi tiap-tiap aktiviti pekerjaan sendiri yang dijalankan olehnya.

Sek.11(4): Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 11(1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-keduanya.

Pada 30 Disember 2019, PERKESO telah mewartakan **P.U.(A)374 Perintah Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Pindaan Jadual Pertama 2019)** terhadap perluasan sektor kepada **19 sektor pekerjaan sendiri termasuk Sektor Perikanan** di mana Perkara (5) dalam pewartaan ini adalah berkaitan dengan Aktiviti Penangkapan dan Pemasaran Ikan iaitu *"Aktiviti penangkapan ikan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perikanan 1985 [Akta 317] dan pemasaran ikan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [Akta 49]".* Pewartaan ini dikuatkuasa pada 1 Januari 2020.

Skim ini adalah **memberi perlindungan** kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri iaitu **seperti Bencana Pekerjaan termasuk Penyakit Pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaannya.**

Menerusi itu, LKIM akan mula membuat caruman nelayan dengan pilihan **Pelan 1** dengan kadar **RM157.20 setahun** yang akan dibuat melalui potongan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) **mulai 15 Ogos 2020** kerana Skim Insurans Nelayan Berkelompok LKIM akan tamat tempoh kontrak dengan Syarikat Etiqa Family Takaful Berhad pada 14 Ogos 2020 ini.

KELAYAKAN CARUMAN

i. Warganegara Malaysia tanpa mengira had umur
ii. Nelayan Berdaftar LKIM yang merupakan penerima Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN)

FAEDAH-FAEDAH YANG DISEDIAKAN

Terdapat **LAPAN (8)** faedah kepada pencarum dan tanggungan pencarum seperti berikut :-

i. Faedah Perubatan
ii. Faedah Hilang Upaya Sementara
iii. Faedah Hilang Upaya Kekal
iv. Elaun Layanan Sentiasa
v. Faedah Orang Tanggungan
vi. Faedah Pengurusan Mayat
vii. Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional
viii. Faedah Pendidikan

Sehubungan itu, LKIM Negeri dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) disarankan untuk menghebahkan **Pelaksanaan Program Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Bagi Nelayan Berdaftar Di Bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) kepada nelayan berdaftar di bawah LKIM.**

Di samping itu juga, golongan nelayan yang berkelayakan boleh mendapatkan maklumat lanjut di laman rasmi LKIM www.lkim.gov.my dan laman rasmi PERKESO www.perkeso.gov.my

Sebarang persoalan boleh berhubung dengan Urusetia Seksyen Bantuan Nelayan, Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan LKIM di talian **03-8064 9000 (samb. 9050)**.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
27 Julai 2020